

Kajian Persepsi Pensyarah Politeknik Terhadap Pembinaan Item Penilaian

(A Study of Polytechnic Lecturers' Perception towards Construction of Assessment Items)

Halimatus Saadiah Kariya^{1*}, Shahirah Muhammad Zin², Masnisah Mukhtar³

¹ Jabatan Pengajian Am, Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang, Malaysia

² Unit Peperiksaan, Politeknik METrO Kuantan, Pahang, Malaysia

³ Unit Peperiksaan, Politeknik Hulu Terengganu, Terengganu, Malaysia

*Pengarang Koresponden: kariyahalimatussaadiyah@gmail.com

Accepted: 15 December 2020 | Published: 31 December 2020

Abstrak: *Pentaksiran merupakan suatu proses pengukuran, pengujian dan penilaian hasil pembelajaran untuk menentukan pencapaian dan kemajuan pelajar. Proses ini dilakukan melalui pembinaan item penilaian yang dihasilkan oleh pensyarah. Namun, terdapat kekangan daripada pensyarah untuk menghasilkan item-item yang berkualiti. Kajian ini dijalankan untuk mengukur tahap penerimaan dan persepsi pensyarah terhadap kesediaan dan pengetahuan dalam aspek pembinaan item penilaian. Kajian dijalankan melalui kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Responden kajian ini terdiri daripada 93 orang pensyarah dari tiga buah politeknik terpilih yang melibatkan lima program pengajian. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences) 25 untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min, sisihan piawai dan skor min. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan dan pengetahuan pensyarah terhadap pembinaan item penilaian adalah pada tahap tinggi. Kajian ini juga menemukan beberapa cadangan bagi mempertingkatkan kualiti item penilaian yang dihasilkan oleh pensyarah.*

Kata kunci: pentaksiran, tahap kesediaan dan pengetahuan, pembinaan item penilaian, pensyarah politeknik

Abstract: *Assessment is a process of measuring, testing and evaluating learning outcomes to determine student's achievement and progress. This process is done through the construction of assessment items prepared by the lecturers. However, there are constraints from the lecturers to produce quality items. This study was conducted to measure the level of acceptance and perception of lecturers on the readiness and knowledge in terms of construction of assessment items. This study was conducted through quantitative method, using questionnaires. The respondents of this study consist of 93 lecturers from three selected polytechnics and it involved five study programs. Data collected were analyzed using SPSS (Statistical Package for Social Sciences) 25 software to obtain the frequency, percentage, mean, standard deviation and mean score. The result shows that the level of readiness and the knowledge of lecturers on the construction of assessment items is at a high level. This study also found some suggestions to improve the quality of evaluation items produced by lecturers.*

Keywords: assessment, level of readiness and knowledge, construction of assessment item, polytechnic lecture

1. Pengenalan

Pentaksiran adalah merujuk kepada apa-apa bentuk penilaian yang dijalankan sepanjang sesi pengajian bertujuan untuk mengukur hasil pembelajaran dari sudut kemajuan pelajar, kemampuan akademik dan kemahiran praktikal setiap pelajar. Brown, Bull dan Pendlebury (1997) mendefinisikan pentaksiran sebagai sesuatu yang dianggap penting, cara penggunaan masa, dan terampilan sebagai pelajar dan graduat. Dasar dan Prinsip Pentaksiran Politeknik dijadikan panduan dan rujukan bagi mewujudkan keselarasan dalam pengurusan yang berkaitan dengan peperiksaan dan penilaian.

Terdapat tiga tujuan utama sesuatu pentaksiran dilakukan iaitu tujuan yang pertama adalah elemen pembelajaran berkenaan bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran hasil maklumbalas kepada pelajar dan pensyarah. Kedua, pentaksiran terhadap pembelajaran adalah untuk menilai tahap pengetahuan pelajar yang boleh digunakan bagi meningkatkan *output* pembelajaran kursus dan program. Seterusnya bagi tujuan jaminan kualiti dan akauntabiliti sistem pengajian politeknik, dapatan maklumat diperolehi daripada pentaksiran yang telah dilaksanakan.

Secara umumnya, pentaksiran kursus di politeknik terdiri daripada dua komponen iaitu Pentaksiran Kerja Kursus dan Peperiksaan Akhir. Pentaksiran kerja kursus menjurus kepada penilaian dari aspek penilaian, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah yang dinilai secara berterusan sepanjang semester pengajian berlangsung daripada setiap pensyarah di politeknik masing-masing. Manakala Peperiksaan Akhir adalah sesuatu yang dinilai pada akhir semester atau sesi instruksional yang dijalankan selaras melibatkan semua politeknik. Pembahagian komponen pentaksiran tersebut bergantung kepada kerangka kurikulum dan sukatan silibus bagi setiap kursus.

Pentaksiran dilaksanakan dengan merujuk kepada beberapa prinsip bagi memastikan hasil yang diperolehi adalah berkualiti. Kualiti sesuatu pentaksiran itu dapat diukur dari sudut kesahan, kebolehpercayaan dan keadilan terhadap pembinaan item dan peraturan pemarkahan yang disediakan. Kemahiran pembinaan item dan pentaksiran dalam kalangan pensyarah adalah salah satu kriteria penting di setiap Politeknik dalam menghasilkan produk pelajar yang berwibawa ditambah pula dengan suasana persaingan dan cabaran zaman teknologi semasa.

2. Objektif

- i. Mengenalpasti tahap kesediaan pensyarah politeknik terhadap pembinaan item penilaian.
- ii. Mengenalpasti tahap pengetahuan pensyarah politeknik terhadap pembinaan item penilaian.

3. Ulasan Kajian Lepas

Kaedah pentaksiran dan penilaian pelajar adalah satu elemen yang penting untuk mengukur dan menganalisa tahap kefahaman dan keupayaan pelajar terhadap apa yang telah dipelajari. Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) menyatakan pentaksiran adalah kaedah untuk memperolehi dapatan dengan melakukan pelbagai pendekatan sama ada formatif, sumatif, dalaman dan luaran bagi menghasilkan sesuatu produk pendidikan (Abdull Sulaiman, 2004). Menurut Atan Long (1980) adalah sesuatu yang mustahil bagi seseorang guru jika tidak mempunyai pengetahuan berkenaan proses pengajaran dan pembelajaran serta proses membuat

penilaian sekiranya ingin mengajar sesuatu pelajaran. Menurut Afinde Othman (2016) keberkesanan pengajaran guru dan tahap pembelajaran murid ditentukan melalui pentaksiran yang berkesan. Bertepatan dengan kajian Rohaya dan Mohd Najib (2008) kompetensi seorang guru diperlukan dalam proses pembelajaran agar keputusan yang tepat dan adil dapat diterjemahkan kepada pelajar. Sehubungan dengan itu seseorang guru atau pensyarah perlu menguasai sepenuhnya pengetahuan dalam pembinaan item sepertimana yang telah diterapkan di institusi perguruan.

Berdasarkan Buku Panduan Pentaksiran (2019) bagi menghasilkan jenis-jenis item yang baik iaitu objektif dan subjektif, aspek kesahan dan kebolehpercayaan perlu diteliti dengan mencakupi ciri-ciri item akur dengan kurikulum, jadual spesifikasi, aras kesukaran dan format yang telah ditetapkan. Selain itu, dari aspek penggubalan soalan, aras hirarki kognitif Taksonomi Bloom juga menjadi panduan bagi memenuhi keperluan yang telah ditetapkan bagi setiap kursus (Aqilah et al.). Namun dalam kajian daripada Baharin dan Siti Nurfariza (2010) mendapati bahawa tahap pengetahuan guru dalam pembinaan item adalah pada tahap sederhana. Manakala dapatan penulisan Shaliza (2016) menunjukkan bahawa pensyarah mempunyai pengetahuan terhadap proses pembinaan item namun masih kurang berkemahiran dalam pembinaannya. Oleh itu, satu garis panduan perlu dibangunkan untuk dijadikan rujukan kepada guru mahupun pensyarah dalam menghasilkan item yang berkualiti (Norhayati, 2003).

Justeru, wajarlah bagi seseorang pensyarah mempunyai kemahiran dan pengetahuan tentang penyediaan item penilaian dan peperiksaan dengan baik bagi mengukur hasil pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

4. Metodologi Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian adalah melalui kaedah kuantitatif yang dijalankan secara tinjauan bagi mendapatkan data dan maklumat berkenaan persepsi para pensyarah terhadap pembinaan item penilaian di politeknik. Sampel kajian ini hanya terhad kepada pensyarah di tiga buah politeknik terpilih iaitu Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS), Politeknik METrO Kuantan (PMKu) dan Politeknik Hulu Terengganu (PHT) yang melibatkan lima program utama iaitu Diploma Kewangan dan Perbankan (DKB), Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP), Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal (DHF), Diploma Akauntansi (DAT) dan Pengajian Am (JPA). Pemilihan sampel kajian adalah kerana ingin melihat kemampuan warga politeknik terhadap pembinaan item penilaian dalam skala yang kecil. Pemilihan ini juga tertumpu kepada pensyarah dari politeknik penggubal sahaja. Populasi responden ialah 113 orang dan sampel responden yang terlibat dalam kajian adalah seramai 93 orang menurut Jadual Krejcie and Morgan (1970) yang dipilih secara persampelan tidak kebarangkalian menurut teknik persampelan bertujuan. Instrumen kajian dijalankan melalui soal selidik secara atas talian. Instrumen soal selidik yang digunakan adalah daripada item-item yang diadaptasi daripada Mohd Azran Mohd Salleh (2014) dan diolah mengikut kesesuaian kajian yang dijalankan. Pernyataan soal selidik merangkumi dua bahagian. Bahagian A mengenai demografi responden yang melibatkan umur, jantina, agama, program, pengalaman bekerja dan peringkat pendidikan. Manakala bahagian B merangkumi pembolehubah yang dikaji iaitu kesediaan pensyarah dan pengetahuan pensyarah terhadap pembinaan item penilaian. Skala likert lima mata digunakan untuk mengukur tahap persetujuan responden iaitu Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Tidak Pasti (3), Setuju (4) dan Sangat Setuju (5). Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 25* untuk mendapatkan kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan skor min.

5. Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui instrumen soal selidik, dianalisis secara deskriptif bagi melihat peratus taburan responden. Dapatan ini dipaparkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan pemahaman serta huraian maklumat.

Jadual 1: Taburan responden

Demografi		N	Peratus (%)
Politeknik	PMBS	40	43.0
	PMKu	30	32.3
	PHT	23	24.7
Program	DKB	14	15.1
	DUP	45	48.4
	DHF	15	16.1
	DAT	6	6.5
	JPA	13	14.0
Jantina	Lelaki	33	35.5
	Perempuan	60	64.5
Umur	21 - 30 tahun	18	19.4
	31 - 40 tahun	54	58.1
	41 - 50 tahun	19	20.4
	51 - 60 tahun	2	2.2
Agama	Islam	78	83.9
	Buddha	3	3.2
	Kristian	12	12.9
Pengalaman mengajar	1 - 5 tahun	27	29.0
	6 - 10 tahun	39	41.9
	11 - 15 tahun	18	19.4
	16 tahun ke atas	9	9.7
Tahap pendidikan	Sarjana Muda	62	66.7
	Sarjana	31	33.3
Jumlah		93	100%

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan responden yang terdiri daripada tiga buah politeknik iaitu 43% (40 orang) pensyarah adalah daripada PMBS, 32.3% (30 orang) daripada PMKu dan 24.7% (23 orang) adalah pensyarah daripada PHT. Manakala dari kategori program yang terlibat menunjukkan DKB 15.1% (14 orang), diikuti DUP dengan 48.4% (45 orang), DHF dengan 16.1% (15 orang), DAT 6.5% (6 orang) dan daripada kalangan pensyarah JPA 14.0% dengan (13 orang). Taburan responden mengikut jantina pula menunjukkan 64.5% (60) majoriti adalah terdiri daripada kalangan pensyarah perempuan, manakala 35.5% (33) adalah daripada kalangan pensyarah lelaki. Berdasarkan kepada umur responden menunjukkan majoriti sampel kajian atau pensyarah 58.1% (54 orang) terdiri daripada mereka yang berumur 31 hingga 40 tahun, diikuti oleh 20.4% (19 orang) kalangan pensyarah yang berumur 41 hingga 50 tahun, 19.4% (18 orang) berumur 21 hingga 30 tahun dan paling sedikit adalah 2.2% (2 orang) pensyarah sahaja yang berumur 51 hingga 60 tahun. Daripada demografi mengikut agama 83.9% (78 orang) majoriti daripada kalangan pensyarah beragama Islam, diikuti 12.9% (12 orang) beragama Kristian dan 3.2% dengan 3 orang pensyarah beragama Buddha.

Berdasarkan pengalaman mengajar para pensyarah menunjukkan 41.9% (39 orang) majoriti terdiri daripada mereka yang berpengalaman 6 hingga 10 tahun, diikuti 29.0% (27 orang) mempunyai pengalaman 1 hingga 5 tahun, 19.4% (18 orang) berpengalaman antara 11 hingga 15 tahun dan paling sedikit 9.7% (9 orang) pensyarah sahaja yang berpengalaman melebihi 16 tahun. Dari kategori tahap pendidikan 66.7% (62 orang) terdiri daripada kalangan pensyarah mempunyai tahap pendidikan sarjana muda manakala 33.3% (31 orang) adalah daripada pensyarah tahap pendidikan sarjana.

Seterusnya, bagi menentukan kebolehpercayaan item soal selidik, analisis kebolehpercayaan 26 item telah ditentukan melalui kaedah *Alpha Cronbach*. Secara keseluruhannya, nilai bagi soal selidik ini adalah baik iaitu .844. Menurut pandangan Hair et al. (2010) nilai pekali kebolehpercayaan .7 adalah boleh diterima. Selain itu, Jadual 2 menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan bagi setiap tahap adalah baik iaitu kesediaan pensyarah adalah .834 manakala pengetahuan pensyarah adalah .854.

Jadual 2: Nilai pekali kebolehpercayaan item soal selidik

Tahap	Jumlah item	<i>Alpha Cronbach</i>
Kesediaan pensyarah	13	.834
Pengetahuan pensyarah	13	.854
Min Keseluruhan	26	.844

6. Perbincangan dan Kesimpulan

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menginterpretasikan tahap kesediaan dan pengetahuan pensyarah terhadap pembinaan item penilaian. Bagi menentukan objektif kajian, skala skor min digunakan seperti Jadual 3. Menurut Landell (1977), nilai min di antara 1.00 hingga 2.33 adalah pada tahap rendah, skor pada nilai min 2.34 hingga 3.67 adalah pada tahap sederhana manakala 3.68 hingga 5.00 menunjukkan skor min pada tahap tinggi.

Jadual 3: Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi skor min
1.00 hingga 2.33	Tahap rendah
2.34 hingga 3.67	Tahap sederhana
3.68 hingga 5.00	Tahap tinggi

6.1 Tahap Kesediaan Pensyarah Terhadap Pembinaan Item Penilaian

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai bagi tahap kesediaan pensyarah terhadap pembinaan item penilaian

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Skor min
1	Saya mendapat pendedahan yang mencukupi dalam pembinaan item	3.87	0.797	Tinggi
2	Pihak pengurusan telah menyediakan panduan yang jelas dalam pembinaan item	3.98	0.766	Tinggi
3	Saya berminat untuk menggubal soalan peperiksaan akhir	3.58	0.798	Sederhana
4	Pembinaan item soalan bagi kursus yang terlibat adalah mudah bagi saya	3.28	0.960	Sederhana

5	Saya akan merujuk kepada Ketua Program mengenai pembinaan item	4.34	0.617	Tinggi
6	Saya akan merujuk silibus sebelum pembinaan item dilakukan	4.60	0.534	Tinggi
7	Saya memastikan pembinaan item yang berkualiti dihasilkan mengikut Kurikulum yang sedang berkuatkuasa	4.42	0.665	Tinggi
8	Masa yang diberikan untuk pembinaan item adalah mencukupi	3.73	0.823	Tinggi
9	Saya akan menerima untuk menggubal item lebih daripada satu set	2.86	0.973	Sederhana
10	Saya akan merujuk Jadual Spesifikasi Item Peperiksaan Akhir (FEIST) sebelum menggubal soalan	4.46	0.523	Tinggi
11	Saya akan merujuk Jadual Spesifikasi Item Penilaian (CIST) sebelum menggubal soalan penilaian berterusan	4.41	0.556	Tinggi
12	Saya menyerahkan pembinaan item yang lengkap untuk disemak oleh pegawai lain	4.39	0.572	Tinggi
13	Instrumen penilaian bertujuan untuk mengesan pencapaian akademik pelajar	4.37	0.688	Tinggi
Purata Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan		4.02	0.713	Tinggi

*N = 93

Berdasarkan Jadual 4, dapatan analisis menunjukkan purata nilai min dan sisihan piawai tahap kesediaan pensyarah terhadap pembinaan item penilaian adalah masing-masing 4.02 dan 0.713 iaitu mewakili interpretasi skor min tahap tinggi. Nilai min bagi kategori paling tinggi iaitu 4.60 menyatakan para pensyarah merujuk silibus sebelum pembinaan item penilaian dilakukan. Dapatan ini menyokong kajian Ana Hafizan (2012) bahawa salah satu prosedur pembinaan item penilaian adalah melalui silibus pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, nilai skor min kategori tinggi diikuti dengan para pensyarah menggunakan *Final Exam Item Specification Table* (FEIST) dan *Course Item Specification Table* (CIST) sebelum menggubal soalan penilaian dengan nilai min masing-masing 4.46 dan 4.41.

Manakala skor min paling rendah adalah 2.86 iaitu ketidaksediaan para pensyarah untuk menggubal item lebih daripada satu set. Pernyataan ini disokong dengan nilai min tahap sederhana iaitu tahap minat (3.58) dan penglibatan para pensyarah (3.28) terhadap pembinaan item penilaian. Dapatan ini menyokong kajian yang dilakukan Mohd Azran & Siti Nurul Mahfuzah (2014) menyatakan bahawa tahap kesediaan dan kefahaman terhadap pembinaan item soalan dalam peperiksaan adalah sederhana. Hal ini kerana pelaksanaan penggubalan item terhadap satu set soalan penilaian dapat menghasilkan item yang lebih berkualiti tanpa membebankan para pensyarah.

6.2 Tahap Pengetahuan Pensyarah Terhadap Pembinaan Item Penilaian

Jadual 5: Min dan Sisihan Piawai bagi tahap pengetahuan pensyarah terhadap pembinaan item penilaian

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Skor min
1	Saya menggunakan Taksonomi Bloom sebagai panduan pembinaan item	4.54	0.716	Tinggi
2	Aras kesukaran yang digunakan adalah bersesuaian dengan kursus yang diajar	4.08	0.797	Tinggi
3	Saya menggunakan domain kognitif yang sesuai dalam pembinaan item	4.25	0.686	Tinggi

4	Saya menggunakan rangsangan / stimulus dalam pembinaan item	4.05	0.728	Tinggi
5	Saya melihat peluang dan kemudahan yang ada pada pelajar sebelum menulis item soalan	4.10	0.627	Tinggi
6	Saya suka mencampur-adukkan topik yang berbeza di dalam satu soalan yang sama	2.53	1.006	Sederhana
7	Saya tahu menentukan wajaran markah bagi setiap item	4.06	0.604	Tinggi
8	Saya tahu teknik membina item berbentuk objektif	3.74	0.779	Tinggi
9	Saya tahu teknik membina item berbentuk struktur	4.00	0.659	Tinggi
10	Saya tahu teknik menyediakan peraturan pemarkahan yang tepat	3.97	0.598	Tinggi
11	Saya suka menggunakan soalan-soalan daripada buku teks, buku rujukan atau soalan-soalan ujian yang lepas	3.94	0.818	Tinggi
12	Saya percaya bahawa item yang dihasilkan menepati objektif aktiviti P&P	4.16	0.557	Tinggi
13	Saya mematuhi kehendak format dan spesifikasi penggubalan yang ditetapkan	4.27	0.534	Tinggi
Purata Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan		3.98	0.701	Tinggi

*N = 93

Hasil dapatan analisis dalam Jadual 5 menunjukkan secara purata skor min dan sisihan piawai tahap pengetahuan pensyarah terhadap pembinaan item adalah tinggi iaitu nilai min 3.98 dan sisihan piawai 0.701. Panduan yang digunakan oleh para pensyarah dalam pembinaan item adalah Taksonomi Bloom dengan nilai min paling tinggi iaitu 4.54. Selain itu, para pensyarah juga mematuhi format dan spesifikasi penggubalan yang ditetapkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian Politeknik dengan nilai min 4.27. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Aqilah et al. (2008) bahawa penggunaan Taksonomi Bloom adalah penting dalam penggubalan soalan peperiksaan akhir bagi menilai hasil pembelajaran pelajar. Namun, dapatan ini bercanggah dengan kajian Baharin & Siti Nurfariza (2010) yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan responden menerusi penggunaan Taksonomi Bloom adalah sederhana.

Manakala bagi nilai min paling rendah adalah 2.53 di mana para pensyarah berpendapat bahawa pembinaan item bagi satu soalan yang sama perlu merangkumi satu topik yang sama iaitu pada skor sederhana. Hal ini berkemungkinan hasil pengukuran pencapaian pelajar adalah lebih berfokus kepada topik-topik yang telah ditentukan.

Jadual 6: Kolerasi persepsi pensyarah terhadap pembinaan item

		Tahap kesediaan	Tahap pengetahuan
Tahap kesediaan	<i>Pearson Correlation</i>	1.00	.772*
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.000
	N	93	93
Tahap pengetahuan	<i>Pearson Correlation</i>	.772*	1.00
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.000	
	N	93	93

*Signifikan pada aras keertian 0.01 (2-tailed).

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson bahawa terdapat hubungan yang kukuh dan signifikan antara pemboleh ubah tahap kesediaan pensyarah dengan pemboleh ubah tahap pengetahuan pensyarah terhadap pembinaan item di mana nilai pekali korelasinya ialah $r = .772^*$, $p < .000$. Dapatan ini menunjukkan bahawa pensyarah mempunyai kesediaan untuk menggubal item penilaian di atas tahap pengetahuan yang diperolehi, pendedahan yang mencukupi dan panduan yang jelas dalam melaksanakan pembinaan item. Implikasinya kepada sistem pendidikan ialah jika inginkan keberkesanan dan kejayaan akademik pelajar maka pembinaan item yang dibangunkan mestilah berkualiti dengan aras dan tahap yang telah ditentukan. Namun, responden telah mencadangkan agar para pensyarah diberi pendedahan yang berterusan berkenaan teknik dan kemahiran pembinaan item yang berkualiti mengikut kurikulum terkini. Selain itu, responden juga mengusulkan agar para pensyarah diberikan tempoh masa yang mencukupi dalam menggubal soalan penilaian.

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa pensyarah politeknik mempunyai kesediaan dan pengetahuan terhadap pembinaan item penilaian. Justeru, bagi mewujudkan pembinaan item yang berkualiti, aspek kesahan dan kebolehpercayaan perlu diteliti dengan mencakupi ciri-ciri item akur dengan kurikulum, spesifikasi, aras kesukaran dan format yang ditetapkan. Pendedahan pembinaan item juga perlu diteruskan kepada para pensyarah demi menghasilkan satu piawai yang dikehendaki bagi meningkatkan kesahan dan kualiti item penilaian. Ini kerana hasil pencapaian pelajar ditentukan melalui sistem penilaian dan pentaksiran di semua peringkat pendidikan. Selain itu, garis panduan pembinaan item yang jelas perlu diwujudkan sebagai rujukan pengetahuan dan kemahiran kepada pensyarah dalam penggubalan soalan dan pembinaan item penilaian. Secara tidak langsung, prestasi pelajar merangkumi kefahaman dan tahap pengetahuan setelah melalui proses pembelajaran dan pengajaran oleh pensyarah dapat diketahui melalui bentuk penilaian yang dilakukan oleh pelajar.

Rujukan

- Abdull Sulaiman Ismil (2004). Penghasilan Manual Garis Panduan Pembinaan Item Aneka Pilihan. Disertasi. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Afinde Othman (2016). Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Guru Membina Item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Instrumen Pentaksiran Pembelajaran. Disertasi. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ana Hafizan Daud (2012). Pelaksanaan Penilaian Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Daerah Johor Bahru. Disertasi. Universiti Teknologi Malaysia.
- Aqilah Huddin, W.M. Diyana W. Zaki, Aini Hussain, Hafizah Husain dan Nor Fadzilah Abdullah (2008). Perlaksanaan Penggunaan Taksonomi Bloom Bagi Mengukur Kesesuaian Tahap dan Menjamin Keberkesanan Outcome Kursus. Seminar on Engineering Education & Built Environment (PeKA2008).
- Atan Long (1980). Pedagogi Kaedah Am Mengajar. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Bahagian Peperiksaan dan Penilaian. Garis Panduan. Diperolehi pada 30 September 2020. <http://www.mypolycc.edu.my/index.php/muat-turun/garis-panduan-c/bahagian-peperiksaan-dan-penilaian/category/56-politeknik>
- Baharin Abu & Siti Nurfariza Mohd Said (2010). Tahap Pengetahuan Membina Item Aneka Pilihan Dalam Kalangan Guru Pelatih Teknik dan Kejuruteraan (PTK), Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Brown, G., Bull, J. & Pendlebury, M. (1997). *Assessing Student Learning in Higher Education*. London: Routledge.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia (2019). *Buku Panduan Pentaksiran*. Selangor.

- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. Kuala Lumpur.
- Mohd Azran Mohd Salleh & Siti Nurul Mahfuzah binti Mohamad (2014). *Persepsi Pensyarah Terhadap Pembinaan Item Soalan di Kolej Komuniti*. Persidangan Eduresearch.
- Nadiah Abu Bakar & Mohd Mokhtar Tahar (2019). *Competency Level of Special Education Integration Program Teachers in Conducting Assessment on Students with Learning Disabilities*. *Journal of ICSAR*.
- Nor Hayati Ismail (2003). *Satu Tinjauan Terhadap Tahap Pengetahuan Guru-Guru Teknikal di Tiga Buah Sekolah Teknik Tentang Pembinaan Item Subjektif*. Disertasi. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Rohaya Talib & Mohd Najib Abd Ghafar (2008). *Pembinaan dan Pengesahan Instrumen bagi Mengukur Tahap Literasi Pentaksiran Guru Sekolah Menengah di Malaysia*. Seminar Penyelidikan Pasca Ijazah 2008. 25 -27 November 2008. Universiti Teknologi Malaysia.
- Shaliza Amira Sarif & Nuraishahtul Akmar Kamaruddin (2016). *Kajian Terhadap Penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) di Dalam Kurikulum Kolej Komuniti Malaysia*. Seminar Pentaksiran dan Penilaian Kolej Komuniti. Kolej Komuniti Selandar, Melaka.